

PENERIMAAN PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP KEADAAN KESESAKAN PELANCONG PADA WAKTU CUTI UMUM: KAJIAN KES PULAU PANGKOR, PERAK

LOCAL RESIDENTS' ACCEPTANCE OF CROWDING DURING PUBLIC HOLIDAYS: CASE STUDY OF PANGKOR ISLAND, PERAK

Mohamad Pirdaus bin Yusoh¹, Jabil Mapjabil², Nurhazliyana Hanafi³ &
Mohd Azmi bin Muhammed Idris⁴

¹Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
(E-mel: m.pirdaus@umt.edu.my)

²Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS)
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

³Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
(E-mel: nurhazliyana@umt.edu.my)

⁴Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
(E-mel: azmidris@umt.edu.my)

Article history

Received date : 1-9-2021
Revised date : 2-9-2021
Accepted date : 11-10-2021
Published date : 28-10-2021

To cite this document:

Mohamad Pirdaus bin Yusoh, Jabil Mapjabil, Nurhazliyana Hanafi & Mohd Azmi bin Muhammed Idris (2021). Penerimaan penduduk tempatan terhadap keadaan kesesakan pelancong pada waktu cuti umum: Kajian kes Pulau Pangkor, Perak. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (36), 32 - 44.

Abstrak: Pulau Pangkor merupakan salah sebuah pulau yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara yang terbukti melalui jumlah ketibaan pelancong yang sangat tinggi khususnya pada cuti umum. Ketibaan pelancong yang ramai ini akan memberikan kesan kepada penduduk tempatan serta mendatangkan persepsi yang pelbagai terhadap tahap penerimaan mereka. Hal ini boleh menyukarkan bagi mencapai pembangunan pelancongan yang lestari. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneliti keadaan kesesakan yang berlaku di Pulau Pangkor pada waktu cuti umum serta penerimaan penduduk tempatan terhadap keadaan tersebut. Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik yang melibatkan seramai 387 orang penduduk tempatan. Dengan menggunakan kaedah People at One Time (PAOT), responden diberi lima pilihan foto yang menunjukkan keadaan pelancongan di Pulau Pangkor pada waktu cuti umum. Daripada analisis PAOT ini, responden menyatakan bahawa keadaan di Pulau Pangkor pada cuti umum adalah 'sangat sesak' dengan 74.4% memilih Foto F, diikuti Foto D (9.6%), Foto E (7.2%) dan paling rendah adalah Foto A (1.3%). Purata kekerapan responden melihat pelancong menjalankan aktiviti terpilih dalam pelancongan juga tinggi dengan nilai min 4.15. Keadaan sesak di Pulau Pangkor pada waktu cuti umum meletakkan barometer tahap penerimaan penduduk tempatan berada pada aras sederhana dengan nilai min 2.87. Keadaan ini menunjukkan penduduk tempatan masih 'boleh menerima' jumlah ketibaan pelancong namun sudah menampakkan wujudnya konflik. Sekiranya keadaan ini berterusan tanpa sebarang penambahbaikan, hal ini boleh menyebabkan bacaan barometer ke

paras merah iaitu 'tidak boleh menerima'. Hasil kajian ini memberikan maklumat penting kepada pihak berkepentingan bagi memastikan kelestarian pelancongan di Pulau Pangkor kekal terpelihara.

Kata kunci: *Keadaan Kesesakan, Penerimaan Penduduk, Kelestarian Pelancongan*

Abstract: *Pangkor Island is one of the islands that is the focus of tourists from within and outside the country - as evidenced by the very high number of tourist arrivals, especially on public holidays. The arrival of many tourists will have an impact on the locals as well as bring about various levels of acceptance. It can be difficult to achieve sustainable tourism development. Therefore, this study was conducted to examine the situation of crowding that occurs in Pangkor Island during public holidays and the level of acceptance of local residents to the situation. This quantitative study used a questionnaire to survey a total of 387 local residents. Using the People at One Time (PAOT) method, respondents were given five choices of photos showing the tourism situation in Pangkor Island during public holidays. From this PAOT analysis, respondents stated that the situation in Pangkor Island on public holidays was 'very crowded' with 74.4% choosing Photo F, followed by Photo D (9.6%), Photo E (7.2%) and finally, the photo with lowest percentage was Photo A (1.3%). The average frequency of respondents seeing tourists carrying out selected activities in tourism is also high with a mean value of 4.15. The crowding situation in Pangkor Island during public holidays puts the barometer of the level of acceptance of the locals at a moderate level with a mean value of 2.87. This situation shows that the locals can 'still accept' the number of tourist arrivals, but that there is already a conflict. If this condition continues without any improvement, it can cause the barometer reading to increase to the red level which is 'unacceptable'. This study provides important information to stakeholders to ensure the sustainability of tourism in Pangkor Island is preserved.*

Keywords: *Crowding Situation, Resident Acceptance, Tourism Sustainability*

Pengenalan

Pulau antara salah satu daya tarikan pelancongan yang unik untuk dikunjungi. Pulau Pangkor adalah salah sebuah destinasi pelancongan yang popular di Malaysia selain daripada beberapa buah pulau lain seperti Pulau Langkawi, Pulau Perhentian, Pulau Tioman, Pulau Redang dan Pulau Sipadan. Pulau Pangkor merupakan pulau yang mempunyai penghuni atau berpenduduk. Jumlah penduduknya mencecah 15,499 orang pada tahun 2015 dan jumlah ketibaan pelancongnya juga agak tinggi dengan hampir 1.9 juta orang dicatatkan pada tahun 2015 dan meningkat kepada 2.1 juta orang pada tahun 2016 (Majlis Perbandaran Manjung, 2017). Peningkatan jumlah pelancong ini dijangka memberikan tekanan atau kesan kepada pihak berkepentingan dalam pelancongan iaitu pelancong itu sendiri dan penduduk tempatan.

Pembangunan yang semakin rancak di Pulau Pangkor akan menarik lebih ramai pelancong domestik dan antarabangsa berkunjung ke sini. Pembangunan yang tersusun akan memperoleh pembangunan pelancongan yang lestari. Namun, dalam mencapai kelestarian ini, ia bukan sahaja diukur dari aspek daya tampung fizikalnya tetapi aspek sosial turut perlu diteliti. Berdasarkan laporan Majlis Perbandaran Manjung (2016), kajian dan perancangan pembangunan fizikal di Pulau Pangkor telah dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Manjung, tetapi kajian tentang aspek kelestarian kedua dalam pelancongan iaitu daya tampung sosial belum diteliti oleh mana-mana pihak. Menurut laporan

Rancangan Tempatan Daerah Manjung (Penggubahan) 2020, keadaan fizikal di Pulau Pangkor masih lagi mengikut piawaian yang ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Manjung (MPM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Perak dan garis panduan pembangunan pulau.

Sehubungan dengan itu, pembangunan yang rancak di Pulau Pangkor menarik lebih ramai pelancong khususnya pada musim cuti umum dan cuti persekolahan. Dengan jumlah ketibaan yang ramai, hal ini memberikan pelbagai persepsi penerimaan oleh pemegang taruh di Pulau Pangkor khususnya penduduk tempatan. Berdasarkan pemerhatian, peningkatan jumlah pelancong yang sangat ketara ke Pulau Pangkor adalah pada waktu cuti umum seperti cuti persekolahan, cuti perayaan dan cuti umum yang lain. Pada waktu cuti umum ini, pelancong terpaksa menunggu hampir dua ke empat jam untuk menaiki feri untuk masuk dan keluar dari Pulau Pangkor. Penyelidik turut sama merasakan kesesakan ini semasa menjalankan kajian awal di Pulau Pangkor pada cuti umum.

Kesesakan dalam Pelancongan

Penyelidikan berkenaan kesesakan adalah tema yang sangat dominan dalam literatur psikologi sosial (Shelby & Heberlein, 1986). Masalah kesesakan timbul apabila penggunaan alam sekitar dan sumber sosial telah melepasi kapasiti rekreasi di sesebuah lokasi (Hammit & Cole, 1998; Manning et al., 1999). Konsep ini sebenarnya merujuk kepada jumlah orang dan boleh menjadi kriteria yang lebih berguna untuk pengurusan berbanding kepuasan. Terma penilaian kesesakan (*perceived crowding*) adalah keadaan psikologi yang diperoleh daripada penilaian subjektif individu untuk menetapkan kepadatan bagi persekitaran tertentu (Shelby & Heberlein, 1986).

Pada tahun 1972, Stokols menggunakan istilah “ruang” dan “ketumpatan” bagi menjelaskan konsep kesesakan. Beliau menyatakan bahawa kesesakan merupakan suatu reaksi psikologi individu terhadap ruang yang semakin berkurangan. Wagar (1964) iaitu antara penyelidik terawal yang mengkaji tentang kesesakan dan menghubungkan konsep ini dengan rekreasi tanah gurun. Beliau membincangkan satu siri hubungan hipotesis antara jumlah orang dan kualiti rekreasi serta menemui bahawa individu yang menginginkan privasi akan terkesan dengan keadaan lawatan ini. Beliau menyimpulkan bahawa penyertaan aktiviti rekreasi luar (*outdoor*) didorong oleh “keperluan” dan “keinginan” dalam kepelbagaian pengguna dan kepelbagaian aktiviti (dalam Zhang & Chung, 2015).

Schmidt dan Keating (1979) mengembangkan konsep kesesakan dalam teori gangguan sosial (*social interference theory*) dengan mengemukakan idea bahawa keadaan akan dinilai sebagai sesak apabila ketumpatan atau keadaan yang telah menghadkan atau mengganggu aktiviti individu dalam persekitaran tersebut. Mereka mentakrifkan kesesakan sebagai tahap sebenar atau keadaan yang jika dirasakan melebihi daripada sepatutnya, seseorang mungkin tidak dapat diterima. Bagi memberikan penekanan untuk penilaian yang lebih subjektif terhadap individu dengan menetapkan ketumpatan di persekitaran tertentu, istilah “keadaan kesesakan” (*perceived crowding*) dicadangkan oleh Shelby dan Heberlein (1986). Istilah ini menggabungkan maklumat deskriptif (kepadatan atau tahap pertemuan yang dialami oleh individu) dengan maklumat evaluatif (kepadatan atau tahap pertemuan yang dinilai negatif oleh individu).

Terdapat banyak kajian dijalankan untuk menyiasat bila, di mana dan sebab berlakunya kesesakan tersebut. Bultena et al. (1981) dalam Zhang (2016) mengkaji tentang pelancong ke

Taman Negara di Alaska, mereka mendapati pengunjung merasa lebih sesak apabila adanya interaksi dengan pengunjung lain melebihi penilaian dan harapan mereka. Gramann dan Burdge (1984) menjalankan tinjauan mel terhadap pelawat ke Lake Shelbyville, iaitu sebuah takungan pelbagai guna di tengah Illinois. Penemuan mereka menunjukkan bahawa kesesakan mempunyai kaitan positif dengan pendedahan rekreasi dan memberi ancaman tingkah laku kepada pelawat lain.

Vaske dan Donnelly (2002) menyediakan penerangan terperinci tentang penggunaan kesesakan yang dianggap sebagai penerimaan yang evaluatif. Mereka berhujah bahawa apabila orang menilai kawasan sebagai sesak, mereka secara tersirat membandingkan keadaan yang mereka alami (iaitu kesan) dengan persepsi mereka tentang apa yang boleh diterima (iaitu piawaian). Oleh itu, dalam kajian ini, penyelidik ingin meneliti keadaan kesesakan yang berlaku di Pulau Pangkor berdasarkan perspektif penduduk tempatan. Penentuan keadaan kesesakan ini penting kerana hal ini akan memberikan kesan kepada persepsi penduduk tempatan dalam menilai keadaan kesesakan di Pulau Pangkor. Ini sejajar dengan beberapa kajian yang dijalankan sebelum ini (Daniel & Zacarias, 2010; Zhang & Chung, 2015).

Penyataan Masalah

Dalam meneliti isu di Pulau Pangkor ini, penilaian bukan sahaja terhadap kualiti pengalaman pelancong yang mereka boleh terima sebelum mereka mencari destinasi alternatif yang lain (daya tampung psikologi pelancong), namun perlu juga menilai tahap toleransi “tuan rumah” atau penduduk tempatan terhadap kehadiran pelancong (daya tampung psikologi penduduk) (Saveriades, 2000). Pernyataan ini disokong oleh Marzetti dan Mosetti (2005) yang menyatakan bahawa dalam menentukan daya tampung sosial, kedua-dua pihak, iaitu pelancong dan penduduk perlu diteliti. Dengan jumlah pelancong yang semakin meningkat setiap tahun, hal ini turut memberikan tekanan kepada pihak “tuan rumah” atau penduduk tempatan. Jumlah penduduk tempatan juga semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2012, jumlah penduduk di Pulau Pangkor adalah seramai 12,999 orang (Pejabat Penghulu Pulau Pangkor 2012) dan meningkat kepada 15,499 orang pada tahun 2015 (Majlis Pemandaran Manjung, 2016). Hal ini dijangka boleh mewujudkan konflik terutamanya penduduk tempatan yang tidak terlibat dengan sektor pelancongan di pulau ini. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Pemandaran Manjung (2016), sebanyak 64% penduduk tempatan terlibat dalam bidang perikanan, 24% dalam bidang perniagaan dan perkhidmatan dan selebihnya dalam bidang swasta dan awam. Ini bermakna, majoriti penduduk di Pulau Pangkor tidak terlibat secara langsung dalam sektor pelancongan. Keadaan ini dijangka akan memberikan kesan khususnya kepada penduduk tempatan. Oleh itu, permasalahan kajian ini adalah ingin mengenal pasti tahap penerimaan penduduk tempatan terhadap keadaan kesesakan yang berlaku di Pulau Pangkor khususnya pada waktu cuti umum.

Metodologi Kajian

Menurut Hair et al. (2007), kaedah penyelidikan kuantitatif mempunyai kelebihan kerana boleh menampung saiz sampel yang besar, namun masih berupaya menghasilkan anggaran yang cukup tepat untuk membolehkan perbezaan yang kecil dikenal pasti. Keputusan atau hasil kaedah kuantitatif ini boleh dipadatkan menjadi statistik yang kemudiannya boleh dibandingkan dengan kumpulan statistik yang lain (Sukamolson, 2010). Menurut Wiersma (1995), kaedah ini adalah antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi, pencapaian dan penglibatan sesuatu perkara. Bentuk deskriptif turut digunakan sejajar dengan keperluan kajian, iaitu untuk meneliti sesuatu

fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid, 1990). Maka, satu set soal selidik disediakan bagi tujuan tersebut yang dibina sendiri oleh pengkaji berasaskan kajian literatur dari pelbagai sumber rujukan. Tuckman (1999) pula menegaskan bahawa soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Penggunaan borang soal selidik dapat menjimatkan kos kajian dan berkesan apabila melibatkan jumlah data yang banyak dan saiz sampel yang besar.

Sehubungan dengan itu, soal selidik adalah instrumen yang berguna dalam mengumpul data bagi menerangkan fenomena sosial dalam sesebuah populasi (Roca, 2008). Menurut Hou (2010), penggunaan borang soal selidik dapat menjimatkan kos kajian dan berkesan apabila melibatkan jumlah data yang banyak dan saiz sampel yang besar. Dalam konteks kajian ini, kaedah kuantitatif digunakan untuk menjawab kesemua objektif kajian. Selain itu, beberapa kaedah lain diguna dan digabungkan seperti kaedah *Picture At On Time* (PAOT) bagi menentukan kesesakan di sesebuah lokasi kajian. Kaedah PAOT ini dibangunkan oleh Manning et al. (2002) bagi meneliti kesesakan di sesebuah lokasi. Responden diminta memilih gambaran keadaan di Pulau Pangkor pada waktu cuti umum berdasarkan foto-foto yang diberikan. Setelah responden memilih foto tersebut bagi menentukan keadaan kesesakan di Pulau Pangkor, responden diminta menyatakan penerimaan mereka terhadap keadaan kesesakan berkenaan. Penentuan nilai min digunakan berdasarkan kajian lepas seperti Pallant (2007) dan Jamil (2002).

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan dua kaedah persampelan, iaitu kaedah penentuan saiz sampel dan kaedah persampelan bukan kebarangkalian. Penentuan saiz sampel digunakan terhadap komuniti tempatan kerana penyelidik mengetahui dengan tepat jumlah penduduk di Pulau Pangkor. Berdasarkan temu bual mendalam bersama penghulu Pulau Pangkor, iaitu Tuan Haji Khamis bin Kassim, jumlah penduduk Pulau Pangkor pada tahun 2016 adalah seramai 16,482 orang. Penentuan saiz sampel adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Dengan menggunakan paras keyakinan 95% atau $\alpha = 0.05$, sekiranya saiz sampel 100, maka 95 dari sampel tersebut menghampiri nilai min populasi (Othman, 2015). Oleh itu, jumlah yang sesuai bagi saiz sampel kajian ini adalah lebih daripada 375 orang responden. Namun begitu, bagi memperoleh hasil kajian yang lebih baik, penyelidik telah memilih jumlah responden seramai 387 orang bagi mewakili populasi penduduk di Pulau Pangkor. Penambahan bilangan responden ini membolehkan lebih banyak data yang diperoleh serta mendapatkan lebih variasi dalam dapatan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Profil Demografik Responden

Seramai 387 orang penduduk Pulau Pangkor dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Komuniti tempatan merupakan individu yang paling dekat dengan perkembangan dan pembangunan yang berlaku di sesuatu lokasi pelancongan. Oleh itu, penyelidikan terhadap komuniti tempatan adalah penting dalam kajian ini. Daripada 387 orang responden, 61.2% adalah perempuan dan 38.8% adalah lelaki (Jadual 1). Komuniti tempatan yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini meliputi penduduk yang terlibat dalam pelancongan dan tidak terlibat dalam pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor.

Pelbagai kategori umur responden yang terlibat dalam kajian ini. Kumpulan umur responden yang tertinggi adalah 21 – 30 tahun (34.4%) diikuti kategori 31 – 40 tahun (24.3%). Kategori

umur yang paling rendah dicatatkan adalah 51 tahun ke atas, iaitu hanya 13 orang atau 17.6% sahaja. Jurang perbezaan ini agak tinggi kerana penduduk tempatan dalam kategori umur 51 tahun ke atas tidak memberikan kerjasama untuk menjawab soal selidik yang diberikan kerana ramai yang tidak tahu membaca. Kebanyakan penduduk Pulau Pangkor yang berada dalam kategori umur ini mempunyai tahap pendidikan yang rendah dan ada yang tiada pendidikan formal. Hal ini menyukarkan mereka untuk menjawab borang soal selidik yang diagihkan.

Jadual 1: Profil Demografik Responden

Kategori Responden	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	150	38.8
Perempuan	237	61.2
Umur		
Bawah 20 tahun	68	17.6
21 – 30 tahun	133	34.4
31 – 40 tahun	94	24.3
41 – 50 tahun	79	20.4
51 tahun ke atas	13	3.4

Tempoh Menetap di Pulau Pangkor

Penyelidik turut mengambil kira tempoh menetap responden di Pulau Pangkor. Hal ini membantu dalam meneliti sejauh mana pembangunan dan perkembangan pelancongan di Pulau Pangkor kerana semakin lama mereka menetap di sini maka banyak perkara yang mereka ketahui tentang perancangan pembangunan di Pulau Pangkor. Peranan komuniti tempatan adalah sangat penting dalam menentukan perkembangan sektor pelancongan di sesuatu destinasi.

Jadual 2 menunjukkan perbezaan ketara taburan tempoh menetap antara satu-satu kategori. Kategori responden yang menetap lebih daripada 21 tahun adalah peratusan tertinggi dengan 62% daripada 387 orang responden. Ini diikuti oleh kategori responden 16 – 20 tahun (25.1%), 11 – 15 tahun (5.9%) dan lima tahun ke bawah (3.6%). Responden yang menetap 6 – 10 tahun adalah yang paling rendah dicatatkan iaitu hanya 3.4%. Dapatan ini jelas sangat membantu dalam kajian ini kerana lebih separuh responden yang dikaji telah menetap lebih daripada 20 tahun di Pulau Pangkor. Maklumat dan pengetahuan mereka berkenaan dengan perkembangan dan pembangunan di Pulau Pangkor adalah penting untuk kajian daya tampung sosial dalam pelancongan di pulau ini.


Jadual 2: Pecahan Kaum dan Tempoh Menetap Responden

Tempoh Menetap	Frekuensi	Peratus (%)
5 tahun ke bawah	14	3.6
6 – 10 tahun	13	3.4
11 – 15 tahun	23	5.9
16 – 20 tahun	97	25.1
21 tahun ke atas	240	62.0
Jumlah	387	100.0

Keadaan di Lokasi Pelancongan (Pulau Pangkor)

Bahagian ini menjelaskan tentang keadaan di Pulau Pangkor pada musim cuti umum berdasarkan perspektif responden dan menjawab objektif kajian iaitu keadaan kesesakan di Pulau Pangkor pada waktu cuti umum. Bagi meneliti keadaan kesesakan di Pulau Pangkor, kaedah *People At One Time* (PAOT) digunakan bagi menentukan keadaan di Pulau Pangkor semasa kajian dijalankan. Kaedah PAOT ini menggunakan siri foto yang dicipta menggunakan perisian komputer (*Image Capture Technology*). Teknik ini popular dalam menentukan keadaan yang berkaitan dengan rekreasi serta kepenggunaan pelancongan. Kaedah ini sangat berguna dalam sesuatu keadaan penggunaan yang tinggi atau keadaan alam sekitar yang luar biasa, iaitu dalam keadaan yang tidak realistik untuk menilai keadaan tersebut melalui penulisan sahaja (Manning, 2007; Manning et al., 1996). Walau bagaimanapun, kekurangannya pula adalah kaedah ini meletakkan beban kepada responden untuk menilai pelbagai senario dan keadaan di lokasi pelancongan (Hall & Roggenbuck, 2002, Needham et al., 2004).

Rajah 1 menunjukkan beberapa siri imej yang dicipta oleh penyelidik bagi menggambarkan keadaan di Pulau Pangkor. Imej ini dicipta berdasarkan rujukan terhadap kajian Needham et al. (2008) dan Zacarias et al. (2011) serta kaedah pemerhatian. Memandangkan ciri tarikan utama pelancong ke Pulau Pangkor adalah laut dan pantai, justeru, penyelidik memilih untuk meletakkan kawasan pantai sebagai fokus utama dalam imej ini. Majoriti pelancong ke Pulau Pangkor adalah untuk melakukan aktiviti berasaskan laut dan pantai. Set foto ini merupakan imej Teluk Nipah yang diubah suai dengan meletakkan kuantiti pelancong di dalamnya bagi memudahkan responden memilih imej tersebut.




Rajah 1: Pemilihan Imej yang Menggambarkan Keadaan di Pulau Pangkor

Keadaan Kesesakan Berdasarkan Persepsi Penduduk Tempatan

Bagi meneliti penerimaan penduduk tempatan terhadap keadaan kesesakan di Pulau Pangkor, kajian terhadap keadaan kesesakan perlu dijalankan terlebih dahulu. Berdasarkan Rajah 2, responden menyatakan bahawa keadaan di Pulau Pangkor pada cuti umum adalah 'sangat sesak' dengan 74.4% memilih Foto F (Rajah 1). Pemilihan Foto F menunjukkan penduduk tempatan menyatakan dalam lingkungan 271m x 44m, jumlah pelancong adalah seramai 800 orang. Keadaan ini jelas menunjukkan ia adalah sangat sesak. Jurang perbezaan ini sangat

ketara antara foto yang lain. Foto A mempunyai jumlah pilihan yang paling rendah dengan hanya 1.3% dicatatkan. Perbezaan yang ketara ini jelas menunjukkan responden penduduk tempatan beranggapan keadaan di Pulau Pangkor adalah ‘sangat sesak’ pada waktu cuti umum.



Rajah 2: Keadaan Kesesakan Berdasarkan Persepsi Responden Penduduk Tempatan Pada Cuti Umum

Maklum balas daripada penduduk tempatan ini jelas menunjukkan setiap kali cuti umum, jumlah pelancong meningkat dan menyebabkan kesesakan di Pulau Pangkor. Namun, dalam kajian ini, maklum balas daripada penduduk tempatan adalah lebih menjurus kepada penerimaan atau toleransi mereka terhadap ketibaan dan aktiviti pelancong di kawasan mereka. Saveriades (2000) dan O’Reilly (1986) menegaskan tahap toleransi masyarakat terhadap kehadiran dan tingkah laku pelancong di destinasi memberikan gambaran kelestarian pelancongan di lokasi tersebut. Oleh itu, analisa untuk penduduk tempatan ini lebih menjurus terhadap penerimaan mereka terhadap kehadiran pelancong bukan mengenai kesesakan. Vaske dan Donnelly (2002) menjelaskan apabila orang menilai kawasan sebagai sesak, mereka secara tersirat membandingkan keadaan yang mereka alami (iaitu, kesan) dengan persepsi mereka tentang apa yang boleh diterima (iaitu, piawai). Sekiranya mereka tidak boleh menerima keadaan kesesakan itu, mereka akan memilih destinasi lain yang lebih sesuai untuk menikmati percutian mereka.

Penerimaan Responden Penduduk Tempatan

Dalam bahagian ini, penyelidik menemu bual menggunakan borang soal selidik responden penduduk terhadap penerimaan mereka setelah ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor. Setelah meneliti kesan yang mereka terima akibat ketibaan pelancong ke pulau ini, baharulah penyelidik meneliti penerimaan penduduk tempatan. Peranan mereka dalam mempengaruhi aktiviti pembangunan pelancongan melalui kerjasama dengan kerajaan adalah penting (Jamaludin et al., 2009). Cottrell dan Vaske (2006) berpendapat bahawa persepsi penduduk setempat adalah faktor paling tepat dalam menilai keadaan semasa sesebuah destinasi kerana mereka yang paling dekat dan mengetahui tentang destinasi tersebut. Oleh itu, penyelidik menilai aspek penerimaan penduduk tempatan terhadap ketibaan pelancong yang merupakan nadi kepada pembangunan pelancongan di pulau ini.

Berdasarkan Jadual 4, kebanyakan aspek penerimaan yang dikaji berada dalam paras tinggi iaitu nilai min melebihi 3.67, tetapi penerimaan responden terhadap perkongsian kemudahan bersama pelancong (min=3.04, SD =0.882) berada pada tahap penerimaan yang sederhana (min 2.34 - 3.66). Nilai min yang paling tinggi dicatatkan adalah aspek kualiti kehidupan iaitu

dengan min 3.91 (SD=0.981). Responden merasakan kualiti kehidupan mereka bertambah baik disebabkan oleh ketibaan pelancong yang ramai. Hal ini mendorong terhadap penambahan kemudahan dan infrastruktur yang lebih baik di kawasan mereka. Selain itu, perubahan cara hidup daripada sektor nelayan kepada sektor pelancongan lebih menguntungkan mereka. Penerimaan responden tentang keselesaan hidup sebagai penduduk tempatan juga berada di aras tinggi dengan nilai min 3.85 (SD =0.917). Berkenaan aspek sosiobudaya serta penerimaan jumlah pelancong yang ramai pada masa akan datang turut berada pada aras tinggi iaitu masing-masing mencatatkan nilai min 3.71 dan 3.75.

Tahap keselamatan pula mempunyai nilai min terendah dalam aras tinggi min=3.69, SD =0.865. Responden agak khuatir tentang tahap keselamatan mereka dengan kehadiran ramai pelancong ke Pulau Pangkor. Dapatan ini tidak sama dengan kajian yang dijalankan oleh Mastura et al. (2016) di Pulau Mabul. Dalam kajian mereka, penduduk tempatan berasa lebih selamat dengan jumlah ketibaan pelancong yang ramai kerana pemantauan daripada pihak berkuasa akan lebih kerap. Secara keseluruhannya, penerimaan responden terhadap ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor berada pada aras tinggi dengan nilai min 3.84 (SD =1.334). Dengan mengambil nilai purata bagi kesemua indikator tersebut, penyelidik menyimpulkan tahap penerimaan penduduk tempatan terhadap ketibaan pelancong adalah ‘tinggi’ (Rajah 3). Menurut Model Irredex Doxey (1976), penerimaan yang tinggi ini menunjukkan kedudukan penerimaan ini berada pada tahap *Europhia*. *Europhia* bermaksud ketibaan pelancong diterima baik oleh penduduk tempatan.

Jadual 4: Penerimaan Responden Penduduk Tempatan Terhadap Ketibaan Pelancong ke Pulau Pangkor

Kehadiran pelancong yang ramai dijangka memberikan kesan kepada anda selaku penduduk tempatan. Oleh itu, apakah tahap penerimaan tentang aspek berikut akibat pelancongan di Pulau Pangkor?			
Bil	Perkara	Min	SD
1.	Perubahan sikap atau sosiobudaya penduduk tempatan	3.71	0.937
2.	Kualiti kehidupan penduduk tempatan	3.91	0.981
3.	Keselesaan anda sebagai penduduk tempatan	3.85	0.917
4.	Kemudahan yang perlu dikongsi bersama pelancong	3.04	0.882
5.	Tahap keselamatan	3.69	0.865
6.	Peningkatan jumlah pelancong pada masa akan datang	3.75	1.262
7.	Secara keseluruhan, apakah tahap penerimaan anda sebagai penduduk tempatan terhadap ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor?	3.84	1.334
Purata		3.68	

Petunjuk		
Skala		Warna
Penerimaan Tinggi	>3.67	Hijau
Penerimaan Sederhana	>2.34<3.66	Kuning
Penerimaan rendah	<1.00 < 2.33	Merah

Sumber: Jamil (2002) & Pallant (2007)



Rajah 3: Penerimaan Responden Penduduk Tempatan Terhadap Ketibaan Pelancong ke Pulau Pangkor

Bagi mengukuhkan lagi dapatan penerimaan ini, penyelidik membuat analisis tabulasi silang (*cross tabs*) bagi meneliti penerimaan responden penduduk tempatan yang tidak terlibat dalam bidang pelancongan. Analisis ini penting bagi mengenal pasti penerimaan responden penduduk tempatan di Pulau Pangkor tentang ketibaan pelancong ini. Berdasarkan Jadual 5, 55.8% daripada 387 orang responden terlibat dalam pelancongan. Daripada jumlah ini, terdapat juga yang tidak boleh menerima ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor iaitu seramai 38 orang atau 9.81%. Bagi yang tidak terlibat dalam bidang pelancongan pula, terdapat 42 orang responden (10.86%) yang tidak boleh menerima ketibaan pelancong. Mereka merasakan jumlah pelancong yang terlalu ramai akan menyukarkan mereka untuk menawarkan servis atau perkhidmatan. Responden penduduk tempatan ini tidak boleh menerima ketibaan pelancong yang sangat ramai pada waktu cuti umum. Seramai 159 orang responden (41.08%) adalah yang terlibat dalam pelancongan dan boleh menerima ketibaan pelancong ke pulau ini manakala 103 orang (26.62%) boleh menerima walaupun tidak terlibat dalam bidang pelancongan. Terdapat juga responden yang terlibat dan tidak terlibat dalam pelancongan menyatakan penerimaan mereka di tahap sederhana dengan masing mencatatkan 19 orang (4.91%) dan 26 orang (6.72%). Dengan peratusan penerimaan yang tinggi ini, penyelidik menyimpulkan bahawa penduduk tempatan di Pulau Pangkor masih lagi boleh menerima ketibaan pelancong ke kawasan mereka. Hasil kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Esmat dan Jason (2017) yang mendapati penduduk tempatan di Dubai menerima baik kehadiran pelancong ke kawasan mereka. Sekiranya penduduk tempatan boleh menerima ketibaan pelancong, hal ini akan membantu dalam pembangunan pelancongan di sesebuah destinasi (Cottrell & Vaske, 2006; Dyer et al., 2007).

Jadual 5: Analisis *Cross Tabulation* Penglibatan Responden Penduduk dan Penerimaan Mereka terhadap Ketibaan Pelancong ke Pulau Pangkor

		Secara keseluruhan, apakah tahap penerimaan anda sebagai penduduk tempatan terhadap ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor?						Jumlah
		Tidak boleh diterima		Sederhana		Boleh diterima		
		(%)	n	(%)	n	(%)	N	
Adakah anda terlibat dengan sektor pelancongan?	Ya	9.81	38	4.91	19	41.08	159	55.8 %
	Tidak	10.86	42	6.72	26	26.62	103	44.2%
Jumlah		20.67	80	11.63	45	67.7	262	387

Petunjuk : n = jumlah responden

Selain itu, penyelidik turut meneliti sama ada penduduk tempatan ingin menghadkan jumlah ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor. Analisis dapatan ini akan menunjukkan kemungkinan penerimaan responden penduduk tempatan terhadap ketibaan pelancong pada masa akan datang.

Jadual 6: Analisis *Cross Tabulation* Penglibatan Responden Penduduk dan Pandangan Mereka Tentang Menghadkan Jumlah Pelancong Kelak

		Adakah anda terlibat dengan sektor pelancongan?		Jumlah
		Ya	Tidak	
Adakah anda mahu jumlah ketibaan pelancong dihadkan	Ya	166	124	290
	Tidak	50	47	97
Jumlah		216	171	387

Berdasarkan Jadual 6, terdapat 216 orang responden penduduk tempatan yang terlibat dalam pelancongan di Pulau Pangkor dan 171 orang tidak terlibat. Daripada 216 orang yang terlibat itu, terdapat 166 orang yang mahu jumlah ketibaan pelancong dihadkan berbanding 50 orang tidak mahu dihadkan. Jumlah penduduk yang mahu jumlah ketibaan pelancong dihadkan bagi yang tidak terlibat dalam pelancongan adalah seramai 124 orang berbanding 47 orang yang tidak terlibat dan tidak mahu ketibaan pelancong dihadkan. Jumlah responden yang mahu (290 orang) jumlah ketibaan pelancong dihadkan adalah sangat tinggi berbanding dengan jumlah yang tidak mahu ia dihadkan (97 orang). Keadaan ini menunjukkan jumlah pelancong yang sangat ramai memberikan kesan kepada mereka. Oleh itu, mereka mahu jumlah pelancong dihadkan terutamanya pada musim cuti umum.

Kesimpulan

Hasil kajian ini merumuskan ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor pada waktu cuti umum adalah tinggi. Dengan ketibaan pelancong yang tinggi setiap tahun khususnya pada waktu cuti umum serta keterlibatan penduduk yang memberangsangkan dalam pelancongan serta pembangunan kemudahan penginapan yang semakin rancak menampakkan perkembangan yang positif sektor pelancongan di pulau ini. Walaupun jumlah penerimaan responden tinggi, penduduk merasakan jumlah ketibaan pelancong perlu dihadkan khususnya pada cuti umum. Keadaan ini menunjukkan penduduk tempatan sudah mula berasa kurang senang dengan jumlah ketibaan pelancong ke Pulau Pangkor. Kepesatan pelancongan di pulau ini memerlukan penglibatan yang lebih banyak daripada penduduk tempatan. Ini kerana penduduk tempatan merupakan pihak berkepentingan yang perlu diberikan perhatian. Sekiranya penglibatan penduduk tempatan sangat kurang di sesebuah lokasi pelancongan akan menyukarkan perkembangan pelancongan di lokasi tersebut. Namun bagi kes di Pulau Pangkor ini, penglibatan penduduk dalam bidang pelancongan agak tinggi dengan 55.8 peratus yang terlibat. Ini memberikan kelebihan kepada Pulau Pangkor untuk terus berkembang dalam industri pelancongan. Selain itu, penduduk di Pulau Pangkor turut menerima dengan baik pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor. Keadaan ini membolehkan MPM merancang dengan lebih baik serta sistematik untuk pembangunan pelancongan di Pulau Pangkor bagi menarik lebih ramai pelancong bercuti ke pulau peranginan ini.

Rujukan

- Bultena, G., Field, D., Womble, P. & Albrecht, D. (1981). Closing the gates: A study of backcountry use limitation at Mount McKinley National Park. *Leisure Sciences*, 4(3), 249-267.
- Cottrell, S. P. & Vaske, Jerry. (2006). A framework for monitoring and modeling sustainable tourism. *Electronic Review of Tourism Research*, 4, 74-84.
- Daniel, N. & Zacarias, A. (2010). *Tourism Carrying Capacity Assessment as a Tourism Carrying Capacity Assessment as a Tool to Support Coastal Management*. Faculty of Science and Technology. Faro, Portugal.
- Esmat Zaidan & Jason F. Kovacs. (2017). Resident attitudes towards tourists and tourism growth: A case study from the Middle East, Dubai in United Arab Emirates. *European Journal of Sustainable Development*, 6(1), 291-307.
- Gramann, J. H. & Burdge, R. J. (1984). Crowding perception determinants at intensively developed outdoor recreation sites. *Leisure Sciences*, 6(2), 167-186.
- Hall, T. & Roggenbuck, J. (2002). Response format effects in questions about norms: Implications for the reliability and validity of the normative approach. *Leisure Sciences*, 24, 325-338.
- Hair, J.F., Money, A.H., Samouel, P. & Page, M. (2007). *Research Methods for Business*. Wiley, West Sussex.
- Hammitt, W. E. & Cole, D. N. (1998). *Wildland Recreation: Ecology and Management* (2nd Ed.). New York: John Wiley and Sons, 361.
- Hou, Z. (2010). Chinese translation of the career decision-making difficulty questionnaire. Unpublished thesis. Beijing Normal University, Beijing, China.
- Jamaluddin Md. Jahi. (2009). Pembangunan pelancongan dan impaknya terhadap persekitaran fizikal pinggir pantai. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71-87.
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Doktor Falsafah - Tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Majlis Perbandaran Manjung. 2017. *Statistik Kedatangan Pelancong Daerah Majung Januari – Disember 2016*. Bahagian Pelancongan Jabatan Pembangunan Komuniti Dan Sosial Majlis Perbandaran Manjung. Kemaskini : 14 Mac 2019.
- Majlis Perbandaran Manjung. 2016. *Taklimat Para Pelajar Dan Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia*. Taklimat oleh Encik Mohamad Sharil bin Salihan.
- Manning, R., Lime, D., Freimund, W. & Pitt, D. (1996). Crowding norms at frontcountry sites: A visual approach to setting standards of quality. *Leisure Sciences*, 18, 39-59.
- Manning, R., Valliere, W., Wang, B. & Jacobi, C. (1999). Crowding Norms: Alternative measurement approaches. *Leisure Science*, 21, 219-229.
- Manning, R., & S. Lawson. 2002. Carrying capacity as “informed judgment”: The values of science and the science of values. *Environmental Management*, 30,157-68.
- Manning, R. (2007). *Parks and Carrying Capacity: Commons without Tragedy*. Washington, DC: Island Press. USA.
- Marzetti., S Dall’Aste Brandolini & Mosetti., R. (2005). Social Carrying capacity of mass tourist sites: Theoretical and practical issues about its measurement. *Nota Di Lavoro*, 144.2005.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Needham, M.D., Rollins, R.B. & Vaske, J.J. (2004). Site-specific encounters, norms and crowding of summer visitors at alpine ski areas. *Journal of the Canadian Association for Leisure Studies*, 29(1), 71-94
- Needham, M. D., Tynon, J. F., Ceurvorst, R. L., Collins, R. L., Connor, W. M. & Culnane, M. J. W. (2008). *Recreation carrying capacity and management at Kailua beach Park on Oahu, Hawaii*. Hawaii Coral Reef Initiative Research Program. Oregon State University.
- Othman Talib. (2015). *SPSS Analisis Data Kuantitatif untuk Penyelidik Muda* (2nd Ed.). Bangi: MPWS Rich Publication.
- O'Reilly, A. M. 1986. Tourism carrying capacity. Concepts and issues. *Tourism Management*, 7(3): 254-258.
- Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual* 3rd Edition. Crows West, New South Wales.
- Pejabat Penghulu Pulau Pangkor. (2012). *Statistik Penduduk Pulau Pangkor*. Perak. Malaysia.
- Pejabat Penghulu Pulau Pangkor. (2017). *Statistik Penduduk Pulau Pangkor*. Perak. Malaysia.
- Roca, E. (2008), Introducing practical wisdom in business schools, *Journal of Business Ethics*, 82 (3), 607-620.
- Saveriades, A. (2000). Establishing the social tourism carrying capacity for the tourist resorts of the east coast of the Republic of Cyprus. *Tourism management*, 21(2), 147-156.
- Schmidt, D. E. & Keating, J. P. (1979). Human crowding and personal control: An integration of the research. *Psychological Bulletin*, 86(4), 680.
- Shelby, B. & Heberlein, T. A. (1986). *Carrying Capacity in Recreation Settings*. Corvallis, OR: Oregon State University Press.
- Stokols, D. (1972). On the distinction between density and crowding: some implications for future research. *Psychology Review*, 79, 275-277.
- Sukamolson, S. (2010). *Fundamentals of Quantitative Research*. Language Institute, Chulalongkorn University.
- Tuckman, B. W. (1999). *Conducting Educational Research*. Fifth Edition. New York: Harcourt Brace College Publishers.
- Vaske, J. J. & Donnelly, M. P. (2002). Generalizing the encounter-norm-crowding relationship. *Leisure Sciences*, 24, 255-269.
- Wagar, J. (1964). The carrying capacity of wilderness for recreation. *Forest Service Monograph*, Society of American Foresters, 7: 23 (1).
- Wiersma, W. (1995). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Zacarias, D.A., Williams A.T. & Newton A. (2011). Recreation carrying capacity estimations to support beach management at Praia de Faro, Portugal. *Applied Geography*, 31(3), 1075-1081.
- Zhang, L. & Chung, S. (2015). Assessing the social carrying capacity of diving sites in Mabul Island, Malaysia. *Environmental Management*, 1-11.
- Zhang, L. (2016). *Carrying capacity assessment of diving sites in Hong Kong and Malaysia*. Tesis PhD - Unpublished. Hong Kong Baptist University.